

Siri Kajian AZKA | 2/2019

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBAYARAN ZAKAT DARI INSTITUSI KORPORAT

SIRI KAJIAN AZKA
FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI
PEMBAYARAN ZAKAT
DARI INSTITUSI KORPORAT

PENASIHAT

Tn. Haji Ahmad Shukri Bin Yusoff

Ketua Pegawai Eksekutif

Pusat Pungutan Zakat

EDITOR

Mohamad Noor Sahidi Bin Johari

Muhsin Bin Nor Paizin

Akademi Zakat (AZKA)

Pusat Pungutan Zakat

KUMPULAN PENYELIDIK

Prof. Madya Dr. Roshayani Binti Arshad

Dr. Ruhaini Binti Muda

Dr. Rina Fadhilah Binti Ismail

Zuraidah Binti Mohd Zam

Accounting Research Institute

Universiti Teknologi MARA

© 2019 Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Wisma PPZ, 68-1-6,

Dataran Shamelin, Jalan 4/91,

Taman Shamelin Perkasa,

56100 Kuala Lumpur

Tel : 03-92895757

www.zakat.com.my

ISBN 978-967-17088-0-4

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanic, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher.

Disclaimer

The views and opinions expressed in this research paper are solely those of the research team and do not necessarily represent the official views of the Pusat Pungutan Zakat.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Dari Institusi Korporat

Zakat korporat merupakan salah satu penyumbang utama kepada kutipan zakat di Malaysia. Namun, pembayaran zakat korporat oleh syarikat - syarikat yang dibuat masih belum optimum walaupun terdapat peningkatan jumlah kutipan setiap tahun. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk (1) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat korporat khususnya di kalangan syarikat korporat dan (2) mencadangkan penambahbaikan yang perlu kepada Institusi Zakat dari perspektif pendekatan berasaskan nilai (value-based).

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan (Mixed Method): temubual dan soal selidik. Data untuk kajian ini adalah: 10 syarikat korporat untuk temubual dan 50 syarikat korporat untuk responden soal selidik. Dapatan utama daripada temubual dan soal selidik adalah: pembayaran zakat didorong oleh pematuhan Shariah dan amalan syarikat-syarikat lain (legitimacy perspective), pengiraan pembayaran zakat berdasarkan modal berkembang atau untung rugi, keperluan untuk menjalankan dan melaporkan sustainable initiatives, insentif cukai dan peranan peneraju institusi zakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran membayar zakat korporat boleh dipertingkatkan melalui beberapa strategi yang dapat menyumbang kepada peningkatan pembayaran zakat

korporat. Antaranya, (1) promosi inisiatif keberkesanan agihan zakat korporat oleh institusi zakat dan syarikat korporat melalui stakeholder engagement, laporan dalam talian dan lain-lain saluran komunikasi dapat meningkatkan kepercayaan antara pihak-pihak berkepentingan, (2) pembangunan rangkakerja pelaporan maklumat inisiatif wakalah untuk meningkatkan keberkesanan pelaporan. Maklumat pelaporan ini dapat digunakan oleh pihak berkepentingan untuk membuat keputusan yang lebih efektif dan (3) peranan peneraju oleh institusi zakat seperti institusi zakat Wilayah dapat dijadikan sebagai penanda aras atau amalan terbaik untuk institusi zakat di setiap negeri.

Ini dapat meningkatkan inisiatif bersama ke arah pembangunan pertumbuhan sosio-ekonomi negara melalui dana zakat korporat. Secara kesimpulannya, kajian ini dapat mengenalpasti hala tuju strategik untuk mengoptimalkan sumbangan zakat korporat terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

Kata Kunci:

Kutipan zakat, Korporat, Pembayaran zakat, Malaysia

BAHAGIAN 1

Pengenalan

Zakat korporat merupakan penyumbang utama kepada kutipan zakat di Malaysia terutamanya di Wilayah Persekutuan. Jumlah bayaran zakat korporat adalah berjumlah RM 106,304,269.21 dan 122,142,889.95 pada tahun 2016 dan 2017, iaitu peningkatan yang signifikan sebanyak 15% (PPZ-MAIWP,2017).

Peningkatan bayaran zakat korporat telah menunjukkan kepentingan komitmen pengurusan korporat dan usaha yang proaktif oleh Badan yang berkuasa sebagai Institusi yang bertanggungjawab dalam urusan kutipan zakat adalah sangat signifikan. Secara umumnya, zakat korporat adalah satu tanggungjawab yang dilaksanakan oleh sesebuah entiti perniagaan dalam memenuhi tuntutan syariat Islam. Di Malaysia, hukum membayar zakat korporat sebagai syaksiyyah 'itibariyyah dan bukan syaksiyyah tabi'iyah, telah berterusan dibincangkan dikalangan fuqaha' terdahulu dan kontemporari (Chik, M.Z & Tharin M., A.R, 2018). Ini telah mempengaruhi komitmen pengurusan korporat terhadap keperluan pembayaran zakat. Selain itu, komitmen pengurusan korporat juga berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor- faktor lain seiring dengan peningkatan pembayaran zakat korporat yang dilaporkan di dalam laporan tahunan dan laman sosial korporat. Namun, pembayaran zakat korporat oleh syarikat- syarikat yang dibuat masih belum optimum walaupun terdapat peningkatan jumlah kutipan setiap tahun.

Wujud kemungkinan bahawa peningkatan jumlah bayaran zakat korporat adalah didorong oleh faktor-faktor lain yang dipengaruhi oleh keperluan korporat untuk menjalankan aktiviti yang menyumbang kepada pelaporan yang mampan (sustainability report) sebagaimana yang digariskan oleh Bursa Malaysia. Ini menunjukkan bahawa entiti korporat telah berada dalam usaha untuk melaksanakan panduan yang telah digariskan iaitu pelaporan yang mampan (sustainability reporting). Maka, aktiviti yang dilaksanakan perlu menghasilkan impak sosial yang berkesan dan dimanfaatkan kepada lebih banyak pihak berkepentingan (stakeholders) di dalam masyarakat dan ekonomi. Tambahan pula, zakat korporat merupakan satu punca kewangan yang dapat menyumbang kepada penyaluran kewangan untuk pelaksanaan aktiviti sosial yang mampan.

Lebih penting lagi, kaedah kajian ini adalah selari dengan perkembangan semasa yang mempromosikan aktiviti berasaskan nilai (value based) terutamanya industri kewangan Islam di Malaysia. Terkini, industri ini sedang menyusun semula tumpuan yang melangkaui pematuhan

shariah ke arah penjanaaan nilai dan aktiviti-aktiviti berasaskan nilai dalam memastikan pertumbuhan sosio-ekonomi jangka panjang yang mampan. Berikutan inisiatif ini, kajian ini akan mengguna pakai strategi yang dikenalpasti dalam dua kertas kerja strategi utama yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Value-Based Intermediation: Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance (Julai 2017) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Islamic Fund and Wealth Management Blueprint (Januari, 2017) dalam meningkatkan peranan dan impak pengurusan sumber kewangan Islam, termasuk zakat korporat. Lebih-lebih lagi, strategi utama ini selari dengan saranan untuk mengguna pakai Sustainable Development Goals (SDGs) yang diperkenal dalam acara United Nations Sustainable Development (UNDP) Summit yang telah berlangsung pada 5 September 2015. SDGs yang juga dikenal secara rasmi sebagai Transforming our world: the 2030 Agenda for Sustainable Development yang merangkumi 17 matlamat antaranya untuk menangani kemiskinan, ketidakseimbangan dan ketidakadilan menjelang 2030 (UNDP, 2015).

Di dalam literatur akademik, peranan dan komitmen pengurusan korporat telah luas dijelaskan dari perspektif 'kesahihan'atau 'legitimacy' dan akauntabiliti. Dari perspektif 'kesahihan'atau 'legitimacy', andaian utama ialah sesebuah entiti yang ingin meneruskan aktivitinya perlu beroperasi dalam cara yang konsisten dengan terma-terma kontrak sosial. Pematuhan kepada kontrak sosial secara umumnya berdasarkan persepsi aktiviti entiti selari dengan kesesuaian dari pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) (Suchman, 1995). Kegagalan menguruskan persepsi ini boleh menjejaskan sokongan kepada produk dan perkhidmatan entiti (Deegan & Rankin, 1996). Perspektif legitimacy sering dikaitkan dengan pelaksanaan akauntabiliti oleh entiti. Secara umum, akauntabiliti boleh ditakrifkan sebagai keperluan untuk menyediakan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti entiti dan bagaimana entiti mencapai objektif-objektif yang dinyatakan (Connolly & Kelly, 2011). Oleh itu, objektif keseluruhan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pembayaran zakat korporat khususnya di kalangan syarikat korporat. Dalam konteks ini, analisa kajian ini menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat korporat berdasarkan pendekatan berasaskan nilai (value-based), di mana peranan komunikasi maklumat kepada pihak berkepentingan (stakeholders) tentang tawaran nilai (value propositions) yang terhasil dari zakat korporat yang dimanfaatkan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) yang lebih luas di dalam masyarakat dan ekonomi.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepada kaedah pembayaran zakat korporat khususnya di kalangan syarikat korporat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2) Mencadangkan penambahbaikan yang perlu kepada Institusi Zakat dari perspektif pendekatan berasaskan nilai (value-based).

BAHAGIAN 2**Kaedah Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah bagi mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat korporat khususnya di kalangan syarikat korporat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini menggunakan kaedah gabungan (Mixed Method) sebagai reka bentuk kajian. Secara umumnya, pelaksanaan kajian telah dirumuskan seperti jadual berikut:

Jadual 1:
Rumusan Kaedah Kajian

| | KAJIAN LITERATUR | KUALITATIF | KUANTITATIF |
|-------------------------|---|--|---|
| Pengumpulan Data | Kajian lepas | Fasa 1: Temubual | Fasa 2: Soal selidik |
| Objektif | | Objektif 1 dan 2 | Objektif 1 dan 2 |
| Pelaksanaan | Merumus kajian lepas dan membina konstruk dan model secara konseptual | Mengenalpasti faktor pembayaran zakat melalui sesi temubual yang berstruktur bersama pegawai yang bertanggungjawab menguruskan zakat di syarikat | Menjalankan analisis faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat menggunakan keputusan statistik yang berkaitan |

Kajian kualitatif dibuat dalam bentuk temubual beberapa syarikat terpilih bersama pegawai yang menguruskan zakat di syarikat dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas secara langsung tentang faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat syarikat dan cadangan penambahbaikan institusi zakat. Seterusnya, dapatan tersebut dibuktikan melalui kajian kuantitatif iaitu kajian soal selidik kepada syarikat terpilih yang telah membayar zakat korporat.

yang terpilih. Seterusnya, kajian ini telah mengklafikasikan jenis syarikat berdasarkan pembahagian secara umum; dan mengikut aktiviti perniagaan iaitu institusi kewangan dan institusi bukan kewangan bagi mendapat maklumat yang lebih informatif berkaitan tawaran nilai (value propositions) yang berpotensi terbit dari pembayaran zakat korporat.

Dalam kajian Fasa 1, sejumlah 10 syarikat korporat yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipilih untuk ditemubual. Perbincangan dapatan akan dibincangkan secara terperinci di bahagian 3.

Kajian Kualitatif Fasa 1

Kajian ini menggunakan kaedah semi-structured interviews dengan menemubual pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan dan membuat keputusan pembayaran zakat korporat di syarikat-syarikat, yang terdiri daripada Ketua Pegawai Syariah (Chief Shariah Officer), Ketua Jabatan Projek Islam (Head of Islamic Project), Ketua Jabatan Pembangunan dan Kesedaran Syariah (Head of Shariah development and Awareness) dan Pegawai-Pegawai Kewangan beberapa syarikat korporat

Kajian Kualitatif Fasa 2

Berdasarkan hasil maklumat dan maklumbalas menggunakan kaedah semi-structured interviews dengan menemubual pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan dan membuat keputusan pembayaran zakat korporat di syarikat-syarikat, kajian ini telah menghasilkan struktur temubual yang efektif bagi mendapatkan maklumat selari dengan objektif dan perbincangan kajian. Berikut merupakan ringkasan tema maklumat soalan temubual yang dikemukakan:

Jadual 2:
Rumusan Tema Soalan Temubual

| BAHAGIAN | PERINCIAN |
|-------------------|--|
| Bahagian A | Latar belakang syarikat merangkumi lokasi, tahun beroperasi, sektor perniagaan, kategori perniagaan, jumlah kakitangan, kaedah pengiraan zakat dan rekod pembayaran zakat syarikat. |
| Bahagian B | Komitmen pengurusan korporat dalam pembayaran zakat oleh syarikat korporat. |
| Bahagian C | Faktor kawal selia berdasarkan rangkakerja kawal selia atau “Regulatory framework” perundangan zakat terhadap jumlah bayaran zakat korporat dan kesan insentif kerajaan terhadap syarikat. |
| Bahagian D | Faktor peranan institusi zakat dalam menggalakkan pembayaran zakat oleh syarikat korporat. |

Fasa 2 kajian ini pula menfokuskan kepada pengedaran borang soal selidik kepada syarikat korporat yang membayar zakat kepada institusi zakat. Borang ini diedarkan melalui email dan panggilan telefon kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Kewangan, Eksekutif Kewangan dan lain-lain jawatan yang berkaitan sebagai wakil kepada syarikat tersebut. Dalam kajian Fasa 2, sebanyak 50 syarikat yang telah memberikan respon kajian borang soal selidik melibatkan syarikat yang beroperasi sekitar Wilayah Persekutuan dan kawasan sekitarnya. Perbincangan dapatan ini juga akan dibincangkan secara terperinci di bahagian 3

BAHAGIAN 3

Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian keseluruhan dibincangkan berdasarkan dua bahagian kajian iaitu bahagian pertama memaparkan hasil dapatan temubual daripada Fasa 1, manakala bahagian kedua pula membincangkan hasil dapatan soal selidik melalui Fasa 2 kajian.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pembayaran zakat korporat oleh syarikat-syarikat di Wilayah Persekutuan, berdasarkan pendekatan berasaskan nilai (*value-based*). Kajian ini membincangkan dapatan kajian dari perspektif berikut; pertama, kepentingan peranan komunikasi dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) tentang tawaran nilai (*value propositions*) yang terhasil dari zakat korporat, kedua, hasil manfaat (*outcomes*) dari zakat korporat kepada lebih banyak pihak berkepentingan (*stakeholders*) di dalam masyarakat dan ekonomi. Dengan menggunakan kaedah kajian seperti yang dibincangkan iaitu hasil kajian akan distrukturkan dari perspektif kesahihan “*legitimacy*” dan akauntabiliti.

Pertama, hasil kajian yang telah dijalankan ke atas syarikat yang mempunyai majoriti pihak berkepentingan (*shareholders*) Muslim, didapati wujud kepentingan untuk memahami keberkatan membayar zakat berdasarkan impak yang positif ke atas syarikat serta keperluan anjakan paradigma tentang kepentingan berasaskan nilai (*value-based*) sesebuah syarikat. Ini kerana pihak berkepentingan (*stakeholders*) syarikat lebih mudah memahami kepentingan pembayaran zakat sekiranya dilihat memberi nilai tambah kepada syarikat. Hal ini diselarikan dengan perspektif korporat yang menekankan aspek kemampanan (*sustainability*) dan penghasilan nilai (*value creation*) dalam sesebuah syarikat.

Selain itu, kepentingan laporan maklumat yang dipertingkatkan melebihi keperluan undang-undang oleh organisasi telah dikaitkan dengan pelbagai konteks. Berhubung dengan penyampaian maklumat mengenai organisasi oleh pihak berkepentingan ‘*stakeholders*’, pelaporan yang dipertingkatkan sering dikaitkan dari perspektif ‘*legitimacy*’ dan akauntabiliti. Teori legitimasi mengandaikan terdapat kontrak sosial yang tersirat antara organisasi dan pihak berkepentingan yang lebih luas (Shocker & Sethi, 1973). Organisasi yang ingin meneruskan kegiatannya harus beroperasi dengan cara yang selaras dengan syarat kontrak sosial. Pematuhan dengan terma kontrak sosial secara umumnya berdasarkan persepsi atau andaian bahawa aktiviti organisasi adalah wajar atau sesuai (Suchman, 1995). Kegagalan untuk muncul dengan sah boleh membawa kepada imposisi peraturan yang lebih tinggi mengenai amalan korporat, mengurangkan akses

kepada pasaran produk dan isu-isu yang mengancam legitimasi yang boleh menjejaskan kelangsungan organisasi (Deegan & Rankin, 1996). Oleh itu, menguruskan persepsi sosial terhadap aktiviti syarikat akan membantu memastikan legitimasi syarikat di kalangan rangkaian sosial mereka. Kesusasteraan legitimasi menunjukkan bahawa langkah penting dalam menguruskan persepsi sosial tentang legitimasi organisasi adalah untuk mengenal pasti pelaku sosial. Deephouse (1996) menyatakan: “Dari perspektif pelaku sosial tertentu ... organisasi yang sah adalah nilai dan tindakannya yang bersesuaian dengan nilai dan harapan pelaku sosial tersebut. Pelaku sosial menerima atau mengesahkan cara organisasi dan berakhir sebagai sah, munasabah, dan rasional.”(Halaman 1025). Sebaik sahaja pelaku sosial dikenal pasti, kesusasteraan legitimasi menunjukkan bahawa organisasi kemudian menyampaikan maklumat mengenai kegiatan mereka kepada pelaku sosialnya, iaitu syarikat korporat dan pihak berkepentingan ‘*stakeholders*’ lain. Legitimasi dengan cara mendedahkan maklumat sukarela yang tersedia untuk pemeriksaan oleh pelabur luar dan pihak berkepentingan lain, boleh membantu menggambarkan tafsiran positif mengenai aktiviti pengurusan dan sokongan yang sah dari pelaku sosial ini.

Literatur legitimasi memberi tumpuan kepada rasional bagi organisasi untuk memberikan maklumat yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan ‘*stakeholders*’ termasuk syarikat korporat yang membayar. Secara umumnya, akauntabiliti boleh ditakrifkan sebagai “keperluan untuk memberi maklumat tentang aktiviti organisasi dan sejauh mana organisasi telah mencapai objektif yang dinyatakan” (Connolly & Kelly, 2011). Takrifan lain oleh Christensen & Ebrahim (2006) mengenai kebertanggungjawaban adalah “bertanggungjawab kepada pihak berkepentingan untuk tindakan organisasi, sama ada dimulakan secara dalaman atau luaran dan NPO boleh dipertanggungjawabkan pada pelbagai peringkat: ke atas, sisi dan ke bawah”. Takrifan akauntabiliti ini menonjolkan tiga bidang kepentingan yang perlu dipertimbangkan; akauntabiliti menaik (akauntabiliti kepada penderma), akauntabiliti sisi (bertanggungjawab kepada kakitangan dan sukarelawan) dan akauntabiliti ke bawah (bertanggungjawab terhadap keperluan pelanggan dan kepercayaan orang ramai).

Berikutan perspektif teori di atas, kajian ini berpendapat bahawa pelaporan yang dipertingkatkan melebihi keperluan mandatori adalah penting bagi organisasi untuk menyampaikan bahawa organisasi mencipta nilai kepada para pelabur serta kepada pihak berkepentingan ‘*stakeholders*’ yang lebih luas.

Hasil Dapatan Temu bual - Fasa 1

Kajian Fasa 1 merupakan analisis kualitatif iaitu dengan menemubual pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat korporat. Berikut merupakan maklumat latar belakang responden dan syarikat yang telah ditemubual:

Jadual 3:

Maklumat Latar Belakang Responden Yang Ditemubual

| PANEL A: PERATUS | BILANGAN | PERATUS |
|--|----------|---------|
| JANTINA | | |
| Lelaki | 5 | 50 |
| Perempuan | 5 | 50 |
| JAWATAN | | |
| Pengurusan Tertinggi (e.g.: Timbalan Presiden/ Ketua Pegawai Syariah/Ketua Pegawai Kewangan) | 3 | 30 |
| Pengurus (e.g.: Pengurus Kewangan/ Pengurus Unit Syariah) | 5 | 50 |
| Eksekutif (e.g.: Eksekutif/ Senior Eksekutif/ Penolong Eksekutif) | 2 | 20 |
| PENGALAMAN BEKERJA | | |
| 1 – 5 tahun | 1 | 10 |
| 6 – 10 tahun | 3 | 30 |
| 11 tahun dan ke atas | 6 | 60 |

Jadual 4:

Maklumat Latar Belakang Syarikat Yang Ditemubual

| PANEL B: PERATUS | MIN | MAKSIMUM | MINIMUM |
|---------------------------------------|-----------|--------------------|---------|
| JUMLAH BAYARAN ZAKAT (RM) | 2,510,612 | 9,763,158 | 10,000 |
| BILANGAN | | PERATUS (%) | |
| KATEGORI PERNIAGAAN | | | |
| Perbankan dan Institusi Kewangan | 3 | 30 | |
| Sendirian Berhad | 4 | 40 | |
| Berhad | 3 | 30 | |
| JUMLAH TAHUN ENTITI BEROPERASI | | | |
| 6 – 10 tahun | 2 | 20 | |
| 11 – 15 tahun | 2 | 20 | |
| 16 tahun dan ke atas | 6 | 60 | |
| SEKTOR PERNIAGAAN | | | |
| Perkhidmatan Kewangan | 3 | 30 | |
| Pelaburan | 2 | 20 | |
| Teknologi Maklumat | 1 | 10 | |
| Hartanah | 2 | 20 | |
| Lain-lain | 2 | 20 | |
| JUMLAH KAKITANGAN | | | |
| 1 – 50 orang | 3 | 30 | |
| 51 – 100 orang | 1 | 10 | |
| 201 – 500 orang | 1 | 10 | |
| 501 orang dan ke atas | 5 | 50 | |

Jadual 3 menyediakan perincian maklumat latar belakang responden yang telah ditemubual. Sebanyak 10 syarikat telah dipilih terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam mengurus dan membuat keputusan pembayaran zakat oleh syarikat korporat. Terdapat pegawai yang mengendali sektor perbankan dan institusi kewangan yang mewakili pengurusan tertinggi Ketua Pegawai Syariah, Ketua Jabatan Projek Islam dan Ketua Jabatan Pembangunan dan Kesedaran Syariah. Adalah didapati mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam mengendali urusan zakat korporat di syarikat. Berbeza dengan syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, pegawai yang mengurus dan mengendalikan zakat korporat terdiri daripada mereka yang mengurus kewangan syarikat seperti Ketua Jabatan Kewangan, Pengurus Kewangan dan Eksekutif Akaun. Dalam situasi ini, pengurusan zakat korporat merupakan sebahagian daripada skop kerja yang tidak spesifik berbanding urusan kewangan yang lain. Oleh itu, sektor perbankan dan kewangan adalah tertakluk kepada kawalselia yang lebih berstruktur berbanding dengan syarikat-syarikat dari sektor yang lain.

Jadual 4 menyenaraikan maklumat latar belakang syarikat yang ditemubual. Sebanyak 30% daripada perbankan islam dan institusi kewangan, 40% syarikat Sendirian Berhad dan 30% syarikat Berhad. Majoriti syarikat yang ditemubual telah beroperasi selama 16 tahun dan ke atas dan mencatat jumlah kakitangan 501 orang dan ke atas. Berdasarkan kedudukan syarikat yang telah lama beroperasi, pegawai yang ditemubual dapat menjelaskan kronologi keputusan pembayaran zakat syarikat dan komitmen pembayaran zakat. Oleh itu, perincian temubual latar belakang syarikat ini dapat menjelaskan prinsip pembayaran zakat syarikat yang didorong oleh insentif legitimacy.

Daripada tema soalan temubual yang telah dirangka dalam Jadual 2, dapatan hasil temubual ini terbahagi kepada 4 bahagian utama perbincangan temubual iaitu:

- 1) RQ1 – Latar Belakang Syarikat
- 2) RQ2 – Komitmen Pengurusan Korporat Terhadap Pembayaran Zakat
- 3) RQ3 – Rangka Kerja Kawal Selia
- 4) RQ4 – Peranan Institusi Zakat

RQ1 - Latar Belakang Syarikat

Sebelum mendalami faktor pembayaran zakat sesuatu organisasi, wujud keperluan untuk memahami latar belakang organisasi terlebih dahulu. Secara keseluruhannya, melalui temubual latar belakang syarikat yang terlibat, disenaraikan beberapa dapatan yang telah diperolehi. Berikut merupakan beberapa pernyataan yang telah diberikan oleh pihak responden berdasarkan soalan yang ditemubual:

i. Apakah yang memotivasikan syarikat anda untuk membayar zakat?

Secara keseluruhannya, responden Perbankan Islam dan Institusi Kewangan yang ditemubual mendokong pematuhan syariah dalam urusan mereka. Pembayaran zakat syarikat merupakan salah satu komponen yang diaplikasikan dalam pematuhan tersebut. Segala perbincangan dan aktiviti kepatuhan syariah dalam institusi perbankan diuruskan oleh unit yang spesifik iaitu Bahagian Syariah. Berikut merupakan antara pernyataan yang mendokong pematuhan tersebut.

Menurut mesyuarat pertama Majlis Penasihat Syariah (MPS), penubuhan syarikat ini telah menetapkan pembayaran zakat sebagai salah satu tanggungjawab syarikat. Malahan, syarikat adalah dianggap sebagai 'legal person' iaitu Syakhsun I'tibariyyah dan dikenakan tanggungjawab untuk membayar zakat. (Ketua Pegawai Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Manakala, responden daripada syarikat Berhad dan Sendirian Berhad pula menjelaskan bahawa syarikat menyokong pembayaran zakat korporat seiring dengan amalan syarikat-syarikat lain. Keputusan pembayaran zakat telah ditetapkan oleh Ahli Lembaga (Board members).

Ahli Lembaga (Board members) dan pengurusan syarikat yang mendorong pematuhan pembayaran zakat korporat. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

Begitu juga, kepatuhan pembayaran zakat turut dibuat berdasarkan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Syarikat telah menubuhkan Panel Penasihat Syariah untuk menjalankan pengurusan pembayaran zakat dan didorong oleh keputusan harus untuk membayar zakat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. (Ketua Jabatan Projek Islam, Syarikat Berhad)

ii. Apakah kaedah yang digunakan untuk membayar zakat?

Hasil temu bual yang dijalankan, Institusi Perbankan Islam telah mengaplikasikan kaedah modal berkembang dalam pengiraan zakat syarikat. Perbincangan dan penganalisaan kaedah telah dijalankan oleh pihak Jawatankuasa Syariah bersama-sama dengan pihak institusi zakat. Secara keseluruhannya, mereka menggunakan kaedah modal berkembang yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Syarikat menggunakan panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR pada tahun 2010, kaedah pengiraan yang digariskan untuk sektor perantara kewangan (financial intermediaries) ialah modal berkembang. (Ketua Pegawai Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Sementara kategori perniagaan lain memilih kaedah yang memudahkan syarikat bergantung kepada prinsip dan perspektif syarikat. Syarikat Berhad mengambil pendekatan untuk menggunakan kaedah yang lebih selamat iaitu Kaedah Untung Rugi berdasarkan prestasi semasa syarikat.

Syarikat menggunakan kaedah Untung Rugi tetapi terdapat cadangan daripada Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula kaedah pembayaran zakat kerana sepatutnya pengiraan zakat ke atas modal yang dikenakan apabila telah melepasi kadar nisab yang ditetapkan. (Ketua Jabatan Projek Islam, Syarikat Berhad).

Setakat ini, syarikat menggunakan kaedah Untung Rugi atau modal berkembang dan membayar berdasarkan nilai maksimum antara kedua kaedah tersebut. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

RQ2 - Komitmen Pengurusan Korporat Terhadap Pembayaran Zakat

Pembayaran zakat korporat turut dipengaruhi oleh komitmen pengurusan korporat kerana secara keseluruhan temubual, zakat korporat diuruskan oleh unit Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR). Pembayaran zakat syarikat bagi sektor perbankan dan institusi kewangan adalah lebih konsisten berbanding syarikat berhad dan sendirian berhad. Zakat yang diuruskan oleh unit CSR mengguna pakai peruntukan wakalah yang diperoleh syarikat daripada pembayaran zakat korporat kepada institusi zakat. Sektor perbankan dan institusi kewangan dilihat lebih tersusun kerana diuruskan oleh unit syariah syarikat. Maka, penggunaan dana wakalah secara keseluruhannya digunakan dan diuruskan secara strategik oleh syarikat-syarikat untuk mengoptimalkan *sustainable initiatives*.

i. Bagaimana pengurusan pembayaran zakat di syarikat?

Pembayaran zakat syarikat Sendirian Berhad dan Berhad diuruskan oleh unit Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR). Manakala, bagi sektor perbankan dan institusi kewangan diuruskan oleh unit syariah yang telah dikhaskan dalam pengurusan zakat, tetapi secara keseluruhannya agihan zakat tersebut dilihat

turut selari dengan aktiviti unit CSR. Berikut merupakan beberapa pernyataan melibatkan pengurusan zakat di syarikat.

Zakat korporat diuruskan oleh Unit Zakat berbeza dengan Unit Komunikasi Korporat yang menguruskan aktiviti CSR tanpa melibatkan agama dan bangsa. Bagi tujuan pelaporan syarikat, mereka akan menggabungkan maklumat agihan kerana terdapat pertindihan antara unit zakat dan Komunikasi Korporat apabila agihan wakalah dan aktiviti CSR dijalankan. (Ketua Pembangunan Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Manakala, kaedah pengiraan zakat akan dihitung oleh bahagian kewangan. (Eksekutif Akaun, Syarikat Sendirian Berhad)

Syarikat memperuntukkan sebahagian jumlah zakat (wakalah) akan diagihkan dan diuruskan oleh Bahagian CSR. (Ketua Jabatan Projek Islam, Syarikat Berhad)

ii. Apakah syarikat konsisten membayar zakat kepada Institusi Zakat?

Institusi Perbankan Islam yang menggunakan kaedah modal berkembang membayar zakat secara konsisten berbanding syarikat lain yang menggunakan kaedah pengiraan zakat yang lain kerana kaedah Untung Rugi dikira bergantung kepada jumlah keuntungan tahunan syarikat tersebut. Keputusan ini juga bergantung kepada pendekatan/prinsip syarikat dalam pembayaran zakat apabila sektor perbankan dan institusi kewangan yang mendokong pematuhan syariah tidak mempunyai masalah dalam kepatuhan pembayaran zakat berdasarkan keputusan yang telah dikeluarkan oleh unit Syariah syarikat tersebut. Secara amnya, responden daripada sektor perbankan dan kewangan yang telah ditemubual menjelaskan bahawa:

Jawatankuasa Syariah telah menetapkan bahawa zakat korporat mesti dibayar kepada kesemua 14 negeri yang beroperasi berdasarkan peratus pendeposit setiap negeri terhadap jumlah deposit syarikat pada penghujung haul iaitu pada 31 Disember setiap tahun kewangan. (Ketua Pegawai Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Manakala, bagi syarikat Sendirian Berhad dan Berhad kebanyakan menggunakan kaedah Untung Rugi, maka pembayaran hanya akan dilakukan apabila terdapat keuntungan untuk tahun kewangan tersebut.

iii. Bagaimana pengurusan dana wakalah syarikat?

Secara keseluruhan, dana wakalah yang diuruskan oleh syarikat selari dengan objektif dan aktiviti yang dijalankan oleh unit CSR, namun menggunakan pendekatan yang berbeza bagi setiap syarikat. Sebagai contoh, sektor perbankan dan institusi kewangan yang mempunyai unit khusus bagi urusan zakat korporat diuruskan sendiri oleh unit zakat.

Penggunaan dana wakalah di syarikat kami diuruskan oleh Bahagian Zakat berdasarkan permohonan daripada asnaf dan projek-projek berimpak yang dibangunkan dan dijalankan oleh syarikat kepada asnaf-asnaf yang dikenalpasti. Maklumat pengagihan wakalah akan dihantar laporan penggunaannya kepada Pusat Zakat dan syarikat telah mempunyai pelan tadbir urus yang baik dalam pengagihan wakalah. (Ketua Pembangunan Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Berbanding syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, dana wakalah ditempatkan di bahagian kewangan serta unit CSR syarikat.

Sebahagian jumlah zakat yang akan diagihkan sendiri oleh syarikat iaitu dana wakalah ditempatkan di Bahagian Penjenamaan dan Komunikasi Korporat. Sebahagian peruntukan wakalah yang diterima akan digunakan untuk bantuan kakitangan syarikat yang memerlukan dan selebihnya akan dihabiskan dalam setahun. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

Sebahagian syarikat juga mengambil pendekatan untuk mengoptimumkan penggunaan dana wakalah sebagai peruntukan untuk menjalankan aktiviti yang mampan (sustainability activities) kepada masyarakat.

Dana wakalah digunakan untuk menjalankan aktiviti pengukuhan pembelajaran, seperti kem bijak untuk meningkatkan penguasaan pelajaran matematik, bahasa inggeris dan membina jatidiri untuk pelajar (asnaf) di sekolah yang terpilih. Selain itu, syarikat turut membantu memperkasakan pusat perlindungan dengan penyediaan bantuan atau modal dan panduan perniagaan sosial untuk membiayai pusat perlindungan mereka sendiri dalam jangka masa panjang. Setiap aktiviti yang dijalankan akan dikenalpasti pengukuran impak sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang. Sokongan padu daripada pihak pengurusan dalam menjalankan aktiviti CSR melalui wakalah dilihat sangat penting. (Eksekutif Komunikasi Korporat, Syarikat Sendirian Berhad)

Agihan wakalah telah dilihat sebagai salah satu platform penjenamaan bagi sebahagian syarikat.

Terdapat dua kategori pengagihan samada melalui permohonan atau pendekatan "outreach" yang menfokuskan kepada 4 rangka kerja utama iaitu pendidikan, pemeraksanaan komuniti, kesihatan dan aktiviti keagamaan. Melalui pendekatan "outreach", syarikat dapat menyediakan peluang untuk penjenamaan syarikat kepada umum. (Ketua Jabatan Projek Islam, Syarikat Berhad)

Secara keseluruhannya, penggunaan peruntukan wakalah yang telah diuruskan oleh syarikat secara tidak langsung dapat meningkatkan imej dan motivasi syarikat melalui pelaporan yang berasaskan 'sustainable initiatives' dalam Laporan Tahunan.

iv. Bagaimana mengurus persepsi peranan Institusi Zakat?

Kesemua syarikat selari menyatakan bahawa persepsi tahap keyakinan terhadap Institusi Zakat digambarkan melalui ketelusan operasi agihan dan kutipan zakat. Ketelusan tersebut boleh dinilai melalui penyampaian maklumat pengagihan zakat kepada syarikat dan masyarakat umumnya melalui pelaporan dan pelbagai pengantaraan penyampaian maklumat yang lebih strategik dan efektif.

Dari segi tahap persepsi keyakinan terhadap Pusat Zakat, Institusi zakat perlu lebih telus dalam pengagihan dana zakat. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

v. Siapakah yang bertanggungjawab meluluskan (authorization) bayaran zakat korporat?

Sebagaimana dirumuskan bahawa sektor perbankan dan institusi Kewangan telah membahagikan Bahagian Zakat sebagai urusan kerja yang spesifik dan segala keputusan dan perbincangan lanjut diuruskan oleh Bahagian Syariah syarikat tersebut.

Segala aktiviti yang melibatkan zakat sama ada pembayaran atau pengiraan mesti mendapat persetujuan Jawatankuasa Syariah. Tiga komponen penting dalam struktur pengurusan korporat dalam memutuskan keputusan berkaitan zakat iaitu Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Syariah dan Jawatankuasa Syariah. Namun, kawalan wujud berdasarkan panduan pengiraan zakat dan perbincangan dengan Pusat Zakat. (Ketua Pegawai Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Manakala keputusan membayar zakat bagi syarikat Berhad dan Sendirian Berhad umumnya ditetapkan oleh Ahli Lembaga (Board members) syarikat tersebut.

Pembayaran serta pembahagian zakat diputuskan oleh Jawatankuasa Shariah (Shariah committee) (sekiranya ada) dan Ahli Lembaga (Board members) di syarikat. (Ketua Jabatan Projek Islam, Syarikat Berhad).

Ahli Lembaga (Board members) bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan keputusan pembayaran zakat di syarikat. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad).

RQ3 - Rangka Kerja Kawal Selia

Umumnya, insentif cukai dilihat sebagai faktor yang mendorong pembayaran zakat oleh syarikat Berhad dan Sendirian Berhad tetapi berbeza dengan sektor perbankan dan institusi kewangan yang telah didokong oleh prosedur pematuhan syariah dan insentif cukai dilihat tidak mempengaruhi keputusan pembayaran zakat korporat.

i. Adakah insentif cukai yang dibenarkan oleh pihak kerajaan mempengaruhi keputusan pembayaran zakat korporat?

Responden daripada sektor Perbankan dan institusi kewangan mengklasifikasikan bahawa insentif cukai bukan merupakan faktor utama dalam kepatuhan pembayaran zakat korporat.

Itu bukan merupakan isu utama kerana kami tetap akan membayar zakat. (Ketua Pegawai Shariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Namun, insentif ini sangat membantu syarikat Berhad dan Sendirian Berhad dalam pembayaran zakat terutama kepada bukan Islam. Malah, mereka turut menyarankan bahawa perlunya pendedahan dan promosi akan kelebihan insentif ini kepada syarikat-syarikat lain terutama bagi syarikat majoriti Muslim yang masih belum membayar zakat.

Ya, ini turut mempengaruhi mereka akan kelebihan pembayaran zakat termasuk pengecualian cukai dan penerimaan wakalah juga membantu memahami pihak korporat untuk menyalurkan sumbangan kepada masyarakat. Namun, kami juga mempunyai peruntukan daripada korporat. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

Syarikat dapat membuat perancangan pelan percukaian yang baik melalui insentif yang diberikan. (Ketua Jabatan Kewangan, Syarikat Berhad)

RQ4 - Peranan Institusi Zakat

Secara keseluruhannya, responden menjelaskan kepentingan komunikasi dan ikatan (engagement) antara syarikat dan pihak institusi zakat terutama dalam memudahkan pengiraan zakat korporat kerana pengiraan zakat sedia ada dilihat terlalu umum bagi sesebuah syarikat untuk membuat pengiraan sebenar secara terperinci. Ketelusan institusi juga menjadi faktor penting dalam meningkatkan tahap keyakinan syarikat untuk membayar. dan mereka menyarankan penyampaian maklumat boleh dijalankan secara kreatif kepada syarikat dan masyarakat secara umumnya. Selain daripada membina kepercayaan syarikat, institusi zakat juga boleh menyalurkan informasi yang berguna agar masyarakat dapat menyedari keberkesanan penggunaan dana zakat. Ini merupakan salah satu nilai kepimpinan yang dapat ditonjolkan oleh institusi zakat selain berterusan menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan ke arah penyediaan institusi yang mampan (*sustainable institution*).

i. Apakah pandangan mengenai hubungan/ikatan (engagement) institusi zakat dengan syarikat-syarikat

Kesemua syarikat yang ditemubual mempunyai hubungan yang baik dengan pihak zakat dan sentiasa berkomunikasi dalam menunaikan tanggungjawab pembayaran zakat korporat. Namun, mereka juga berpendapat bahawa wujud keperluan untuk memudahkan pembayaran zakat dengan menyediakan kaedah pengiraan yang khusus dan terperinci bagi syarikat mengikut pembahagian sektor perniagaan untuk mengaplikasikan dan memudahkan pengiraan zakat korporat mereka. Wakil responden dari perbankan tersebut turut memberikan respon bahawa pemudahcara pengiraan zakat yang dikeluarkan nanti akan memberikan kemudahan kepada syarikat-syarikat korporat menunaikan kewajipan mereka.

Syarikat berpendapat kepentingan peranan pusat zakat untuk menyediakan pengiraan zakat yang boleh diterima (acceptable) kerana panduan yang sedia ada terlalu umum dan tidak mencukupi bagi kesemua syarikat untuk menyediakan kaedah pengiraan zakat syarikat mereka yang betul berlandaskan syarak. Namun begitu, perbincangan berkala mengenai zakat korporat tetap perlu diteruskan bersama Pusat Zakat. (Ketua Pegawai Shariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Bagi memotivasikan syarikat lain untuk membayar zakat dengan lebih konsisten dan efektif, institusi zakat juga perlu mengadakan lawatan atau kunjungan ke syarikat-syarikat dan menyediakan seminar-seminar anjuran pusat zakat secara berkala. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

ii. Ketelusan (Transparency)/Pelaporan agihan zakat melalui wakalah

Ketelusan institusi yang disarankan oleh syarikat-syarikat yang ditemubual dilihat sebagai impak yang penting bagi meningkatkan prestasi institusi zakat. Ketelusan yang ditonjolkan akan dapat meningkatkan tahap keyakinan para pembayar zakat untuk komited membayar zakat kepada institusi zakat. Wakil responden daripada perbankan turut menyatakan bahawa wujud keperluan untuk mempromosikan kejayaan agihan zakat yang diberikan kepada asnaf.

Wakil syarikat ini telah dijemput untuk menghadiri satu acara yang memaparkan kejayaan pengagihan zakat dan dibentangkan kemampuan asnaf tersebut membangunkan ekonomi mereka pada tahap yang membanggakan. Hal ini dilihat sebagai peluang untuk membuka mata seterusnya memotivasikan para korporat lain untuk turut menyumbang zakat korporat. (Ketua Pembangunan Syariah, Perbankan Islam dan Institusi Kewangan)

Sementara itu, wakil responden daripada syarikat Sendirian Berhad pula berpendapat syarikat dapat memanfaatkan inisiatif pengagihan wakalah ke arah pelaksanaan “sustainable initiatives”. Hal ini merupakan bukti bahawa zakat yang merupakan salah satu rukun Islam mampu berfungsi sebagai medium untuk membasmi kemiskinan dengan memperkasakan pelaksanaannya dan mencapai sebanyak mungkin sasaran asnaf dengan pengendalian yang efektif, mampan dan memudahkan proses pengagihannya.

Inisiatif sustainability perlu dijadikan sebagai medium untuk mempromosikan pembayaran zakat kerana ia adalah berkaitan CSR yang membantu syarikat menyumbang dan memberi nilai kepada masyarakat. Bagi syarikat ini, peruntukan wakalah sangat membantu melicinkan lagi aktiviti CSR serta mencipta nilai melalui peruntukan tersebut. (Pengurus Kewangan, Syarikat Sendirian Berhad)

Penyampaian maklumat akan kelebihan dan kepentingan saranan ini turut dapat disebarkan dengan memaksimumkan pelaporan agihan zakat yang komprehensif.

Hasil Dapatan Soal Selidik - Fasa 2

Pada bahagian ini, hasil dapatan kajian soal selidik dibincangkan. Kajian soal selidik daripada 50 syarikat ini dianalisa. Bahagian pertama membincangkan deskriptif latar belakang responden dan organisasi yang terlibat. Bahagian seterusnya menunjukkan hasil analisa bagi ujian kebolehpercayaan (reliability test) dan kenormalan (normality test). Kemudian, bahagian seterusnya membincangkan

analisis penerokaan faktor (EFA). Melalui penganalisaan tersebut, dapatan akhir dapat dirumuskan dengan jelas ke dalam jadual yang dipaparkan.

Daripada tema kajian soal selidik yang telah disusun, dapatan ini terbahagi kepada 4 bahagian utama perbincangan analisa kajian soal selidik iaitu:

- 1) Bahagian A – Latar Belakang Syarikat.
- 2) Bahagian B – Komitmen Pengurusan Korporat Terhadap Pembayaran Zakat.
- 3) Bahagian C– Rangka Kerja Kawal Selia.
- 4) Bahagian D – Peranan Institusi Zakat.

Analisis Bahagian A – Latar Belakang Syarikat

Maklumat latar belakang responden kajian borang selidik dipilih untuk mengetahui status pengalaman responden dalam urusan pembayaran zakat. Sementara itu, latar belakang syarikat turut dikaji bagi memahami kategori, sektor perniagaan, komposisi kakitangan syarikat dan status pembayaran zakat syarikat melalui kaedah pengiraan dan kekerapan pembayaran zakat korporat. Jadual 5 melaporkan ringkasan maklumat latar belakang responden kajian untuk Fasa 2 yang menggunakan borang soal selidik. Manakala, Jadual 6 memaparkan ringkasan maklumat syarikat yang telah memberi maklumbalas soal selidik.

Jadual 5:
Maklumat Latar Belakang Responden
Kajian Borang Soal Selidik

| PANEL A: PERATUS | BILANGAN | PERATUS (%) |
|--|----------|-------------|
| JAWATAN | | |
| Lembaga (e.g.: Lembaga Pengarah/ Ahli Lembaga) | 2 | 4 |
| Pengurusan Tertinggi (e.g.: Timbalan Presiden/ Ketua Pegawai Syariah/Ketua Pegawai Kewangan) | 4 | 8 |
| Pengurus (e.g.: Pengurus Kewangan/ Pengurus Unit Syariah) | 21 | 42 |
| Eksekutif (e.g.: Eksekutif/ Senior Eksekutif/ Penolong Eksekutif) | 23 | 46 |

| PANEL A: PERATUS | BILANGAN | PERATUS (%) |
|---------------------------|----------|-------------|
| PENGALAMAN BEKERJA | | |
| 1 – 5 tahun | 6 | 12 |
| 6 – 10 tahun | 17 | 34 |
| 11 tahun dan ke atas | 27 | 54 |
| UMUR | | |
| 21 – 30 tahun | 7 | 14 |
| 31 – 40 tahun | 22 | 44 |
| 41 – 50 tahun | 13 | 26 |
| 51 – 60 tahun | 7 | 14 |
| 60 tahun dan ke atas | 1 | 2 |
| AGAMA | | |
| Islam | 49 | 98 |
| Lain-lain | 1 | 2 |

Jadual 6:
Maklumat Latar Belakang Syarikat

| PANEL B: PERATUS | MIN | MAKSIMUM | MINIMUM |
|---------------------------------------|----------|-------------|---------|
| Jumlah bayaran zakat (RM) | 488,381 | 6,512,500 | 22,200 |
| | BILANGAN | PERATUS (%) | |
| KATEGORI PERNIAGAAN | | | |
| Perbankan dan Institusi Kewangan | 7 | 14 | |
| Sdn Bhd | 23 | 46 | |
| Berhad | 11 | 22 | |
| Koperasi | 7 | 14 | |
| Enterprise | 2 | 4 | |
| JUMLAH TAHUN ENTITI BEROPERASI | | | |
| 1 – 5 tahun | 4 | 8 | |
| 6 – 10 tahun | 6 | 12 | |
| 11 – 15 tahun | 5 | 10 | |
| 16 tahun dan ke atas | 35 | 70 | |
| SEKTOR PERNIAGAAN | | | |
| Utiliti dan perkhidmatan | 1 | 2 | |
| Pertanian | 4 | 8 | |
| Hartanah | 2 | 4 | |
| Teknologi maklumat | 1 | 2 | |
| Pembuatan | 2 | 4 | |
| Peruncitan dan pemborongan | 3 | 6 | |
| Perkhidmatan Kewangan | 14 | 28 | |
| Lain-lain | 23 | 46 | |

| | BILANGAN | PERATUS (%) |
|--|----------|-------------|
| JUMLAH KAKITANGAN | | |
| 1 – 50 orang | 19 | 38 |
| 51 – 100 orang | 8 | 16 |
| 201 – 500 orang | 11 | 22 |
| 501 orang dan ke atas | 12 | 24 |
| KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT | | |
| Modal berkembang | 5 | 10 |
| Modal kerja | 17 | 34 |
| Untung dan rugi | 23 | 46 |
| Lain- lain | 5 | 10 |
| KEKERAPAN PEMBAYARAN ZAKAT | | |
| Setiap tahun | 41 | 82 |
| Bergantung kepada keputusan pengurusan | 9 | 18 |

Secara keseluruhannya, terdapat 50 syarikat telah memberikan maklum balas soal selidik. Sebanyak 88% maklum balas adalah daripada pengurus dan eksekutif syarikat yang menguruskan kewangan syarikat. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman. Terdapat 68% maklum balas soal selidik adalah diterima daripada Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad. Manakala sektor perbankan dan institusi kewangan mewakili 14% dari keseluruhan syarikat yang memberi maklum balas.

Berdasarkan hasil dapatan temubual Fasa 1, syarikat-syarikat daripada jenis Berhad dan Sendirian Berhad dalam pengurusan pembayaran zakat korporat adalah tidak khusus berbanding dengan sektor perbankan yang mempunyai kawal selia yang lebih ketat di sektor kewangan oleh Bank Negara Malaysia. Sebanyak 46% syarikat menggunakan kaedah pengiraan zakat untung dan rugi, manakala 44% menggunakan kaedah modal berkembang dan modal kerja. Ini menunjukkan terdapat variasi yang signifikan dalam kaedah membayaran zakat korporat iaitu untung rugi, modal berkembang dan modal kerja. Sementara itu, 82% syarikat telah membayar zakat secara konsisten. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Fasa 1, dimana sektor perbankan dan kewangan lebih cenderung menggunakan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh JAWHAR sebagai garis panduan bagi kaedah pengiraan zakat korporat. Oleh yang demikian, bagi menggalakan pembayaran zakat korporat pihak berkuasa JAWHAR dan institusi zakat boleh memainkan peranan yang lebih proaktif dengan mengeluarkan garis panduan yang lebih spesifik mengikut keperluan syarikat dan disokong dengan anjuran seminar berkala yang berkaitan kaedah pembayaran zakat yang lebih efektif.

Analisis Bahagian B, C Dan D

Bahagian seterusnya membincangkan analisa kajian soal selidik bagi pembolehubah yang telah dipilih daripada Bahagian B, C dan D iaitu IV1: Komitmen Pengurusan Korporat, IV2: Rangka Kerja Kawal Selia dan IV3: Peranan Institusi Zakat dan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Min Bayaran Zakat Korporat. Secara umumnya, data yang telah diperoleh daripada 50 syarikat tersebut dianalisa menggunakan beberapa kaedah yang disenaraikan seperti berikut:

1. Ujian Kebolehpercayaan (Reliability test)

Skala yang dipilih dalam kajian telah dinilai samada boleh dipercayai (reliable). Salah satu penunjuk (indicator) yang digunakan untuk mengukur konsistensi dalaman ialah nilai Cronbach's Alpha yang dipaparkan pada jadual statistik kebolehpercayaan (Reliability Statistics). Skala ini dianggap konsisten sekiranya nilai yang diperoleh lebih tinggi daripada 0.7.

Jadual 7:
Statistik Kebolehpercayaan

| | CRONBACH'S ALPHA | CRONBACH'S ALPHA BASED ON STANDARDIZED ITEMS | N OF ITEMS |
|------------------------------|------------------|--|------------|
| Total | .894 | .904 | 23 |
| Komitmen Pengurusan Korporat | .714 | .763 | 8 |
| Rangka Kerja Kawal Selia | .807 | .810 | 8 |
| Peranan Institusi Zakat | .915 | .919 | 7 |

Jadual 7 menunjukkan nilai yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan kesemuanya memaparkan nilai Cronbach's Alpha lebih tinggi daripada 0.7. Maka, nilai tersebut menunjukkan internal consistency reliability yang baik untuk kesemua skala daripada sampel kajian ini.

2. Ujian Kenormalan (Normality test)

Ujian kenormalan dijalankan untuk mengetahui taburan data yang digunakan bertaburan normal. Ujian

Kolmogorov-Smirnov (K-S) menunjukkan Rangka Kerja Kawal Selia dan Peranan Institusi Zakat adalah bertaburan normal, manakala Min Bayaran Zakat dan Komitmen Pengurusan Korporat adalah tidak bertaburan normal. Oleh yang demikian, interpretasi akan dibuat bersama nilai skewness dan kurtosis. George and Mallery (2010) mencadangkan nilai skewness dan kurtosis di antara -2 dan +2 adalah dianggap data bertaburan normal.

Jadual 8:
Ujian Kenormalan

| | KOLMOGOROV-SMIRNOV | | | SHAPIRO-WILK | | |
|------------------------------|--------------------|----|------|--------------|----|------|
| | STATISTICS | df | Sig. | STATISTICS | df | Sig |
| Min Bayaran Zakat | .379 | 50 | .000 | .424 | 50 | .000 |
| Komitmen Pengurusan Korporat | .154 | 50 | .005 | .924 | 50 | .003 |
| Rangka Kerja Kawal Selia | .091 | 50 | .200 | .959 | 50 | .084 |
| Peranan Institusi Zakat | .101 | 50 | .200 | .937 | 50 | .010 |

Jadual 9:
Keputusan Skewness dan Kurtosis

| | SKEWNESS | KURTOSIS |
|------------------------------|----------|----------|
| Min Bayaran Zakat | 4.154 | 19.096 |
| Komitmen Pengurusan Korporat | -.720 | -.225 |
| Rangka Kerja Kawal Selia | -.305 | -.693 |
| Peranan Institusi Zakat | -.513 | -.318 |

Berdasarkan jadual di atas, keputusan skewness dan kurtosis menunjukkan data bertaburan normal bagi komitmen pengurusan korporat, rangka kerja kawal selia dan peranan institusi zakat dengan bacaan nilai antara -2 dan +2.

3. Faktor Analisis

Analisis Penerokaan Faktor (Exploratory Factor Analysis, EFA) digunakan bagi mengenal pasti item-item yang mendokong sesuatu indikator. EFA dapat mengenal pasti struktur faktor daripada item-item soalan soal selidik.

1) Ujian Kaiser-Meyer Olkin (KMO) dan ujian Bartlett

Dua ujian penting dijalankan terlebih dahulu untuk mengukur tahap kesesuaian sampel (sampling adequacy) bagi menjalankan EFA. Ujian Kaiser-Meyer Olkin (KMO) dan ujian Bartlett adalah seperti Jadual di bawah:

Jadual 10:
KMO and Bartlett's Test

| | | |
|---|--------------------|---------|
| Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy | | .640 |
| Bartlett's Test of Sphericity | Approx. Chi-Square | 845.100 |
| | df | 253 |
| | sig. | .000 |

Berdasarkan Jadual 10, indeks KMO yang diperolehi hasil daripada analisis yang dibuat terhadap konstruk Komitmen Pengurusan Korporat, Rangka kerja Kawal Selia dan Peranan Institusi Zakat menunjukkan nilai 0.640. Nilai ini melebihi daripada nilai yang boleh diterima iaitu 0.6. Penilaian ke dua bagi meneruskan EFA ialah Ujian Bartlett. Jadual 10 di atas juga menunjukkan nilai Bartlett's Test of Sphericity, 0.0 dan nilai ini adalah signifikan pada $p < 0.05$. Keputusan ini menunjukkan terdapat hubungan antara item yang digunakan dalam kajian. Maka, hasil ujian ini menunjukkan bahawa sampel saiz ini sesuai digunakan dalam analisis faktor.

2) Analisis nilai Eigen dan peratusan terkumpul varian yang diterangkan (Cumulative Variance Explained)

Pada bahagian ini, setiap indicator yang digunakan dalam kajian akan dinilai. Melalui kajian EFA yang dijalankan, indicator yang benar-benar layak akan dikenal pasti untuk mewakili konstruk yang dibangunkan. Oleh itu, analisis nilai Eigen dan analisis peratusan terkumpul varian yang diterangkan (cumulative variance explained) dijalankan untuk memastikan kesesuaian item soal selidik. Berikut merupakan nilai eigen yang telah diekstrak.

Jadual 11:
Faktor Analisis- Jumlah Variance Diterangkan (Extracted)

| COMPONENT | INITIAL EIGENVALUES | | |
|-----------|---------------------|---------------|--------------|
| | TOTAL | % OF VARIANCE | CUMULATIVE % |
| 1 | 7.765 | 33.760 | 33.760 |
| 2 | 2.646 | 11.504 | 45.264 |
| 3 | 1.954 | 8.496 | 53.761 |
| 4 | 1.837 | 7.986 | 61.747 |
| 5 | 1.623 | 7.055 | 68.801 |

| COMPONENT | INITIAL EIGENVALUES | | |
|-----------|---------------------|---------------|--------------|
| | TOTAL | % OF VARIANCE | CUMULATIVE % |
| 6 | 1.265 | 5.501 | 74.302 |
| 7 | 1.142 | 4.966 | 79.268 |

Jadual 11 menunjukkan 7 faktor telah diekstrak daripada 23 item yang dianalisa dan memaparkan nilai eigen seperti di atas. Nilai bagi setiap item tersebut dikenal pasti sama ada melebihi atau kurang daripada 1. Berdasarkan Jadual 14, semua item melebihi daripada 1, maka item tersebut diterima dalam kajian ini. Nilai cumulative percentage variance pula hendaklah melebihi dan sama dengan 50%. Maka, berdasarkan Jadual 12, keputusan analisis bagi konstruk di atas dapat diterima dalam kajian dengan nilai 79%.

3) Analisis komuniti (communities)

Melalui analisis ini, pengkaji dapat mengetahui kekuatan setiap item yang disoal dalam borang selidik. Nilai komuniti dikenalpasti dengan nilai minimum yang boleh diterima pada 0.5. Berikut merupakan nilai yang diperolehi dalam kajian:

Jadual 12:
Faktor Analisis – Communalities

| SOALAN | EXTRACTION | SOALAN | EXTRACTION |
|--------|------------|--------|------------|
| B1 | .945 | C5 | .861 |
| B2 | .935 | C6 | .741 |
| B3 | .832 | C7 | .812 |
| B4 | .603 | C8 | .875 |
| B5 | .641 | D1 | .670 |
| B6 | .860 | D2 | .744 |
| B7 | .849 | D3 | .847 |
| B8 | .883 | D4 | .819 |
| C1 | .849 | D5 | .867 |
| C2 | .760 | D6 | .778 |
| C3 | .595 | D7 | .646 |
| C4 | .819 | | |

Extraction Method: Principal Component Analysis

Jadual 12 menunjukkan pengukuran kaedah extraction untuk mengenal pasti hubungan variance antara pemboleh ubah/item yang dipilih. Daripada 23 item yang telah di analisa, nilai communalities yang kurang daripada 1 dan lebih besar daripada 0 menunjukkan bahawa variance tersebut mempunyai hubungan antara item kajian. Secara ringkasnya, nilai 0.5 ke atas bagi kesemua item menunjukkan bahawa persampelan yang memuaskan bagi faktor yang terlibat dalam kajian. Sementara nilai di bawah 0.5 akan dikeluarkan daripada faktor kajian. Maka, kesemua item boleh diterima dalam kajian.

Jadual 13:
Rumusan Hasil Kajian Soal Selidik


| TEMA KAJIAN SOAL SELIDIK | PENJELASAN TEMA | DAPATAN | RUMUSAN |
|--|--|--|---|
| <i>Pembolehubah tidak bersandar</i> | | | |
| B. Komitmen pengurusan korporat | Merangkumi kefahaman tanggungjawab dan kepentingan pembayaran zakat (polisi syarikat), komposisi pengurusan korporat dan pemegang saham yang Muslim serta kedudukan keuntungan syarikat. | Kajian mendapati pengurusan korporat syarikat memahami kewajipan dan kepentingan membayar zakat akan memberi reputasi yang baik kepada syarikat. Walau bagaimanapun majoriti syarikat memberi maklumbalas bahawa pembayaran zakat bukan merupakan polisi khusus syarikat, terutamanya syarikat Berhad dan Sdn Bhd. Manakala, institusi perbankan dan kewangan lebih tertakluk kepada kepatuhan kawalselia dan pasaran yang mendorong polisi pembayaran zakat dibuat lebih khusus. Secara keseluruhan, syarikat-syarikat yang memberi maklumbalas soal selidik telah membayar zakat secara konsisten. | Secara keseluruhan, komitmen pengurusan korporat adalah sangat penting dalam menentukan pembayaran zakat yang dibuat mengikut kaedah yang tepat dan konsisten. Walau bagaimanapun terdapat tekanan faktor luaran seperti kawal selia oleh Bank Negara Malaysia yang mendorong kepatuhan pembayaran zakat oleh ke atas sektor perbankan dan kewangan. Institusi zakat boleh memainkan peranan yang lebih proaktif dengan mengeluarkan garis panduan yang lebih spesifik mengikut keperluan syarikat dan disokong dengan anjuran seminar berkala yang berkaitan kaedah pembayaran zakat yang lebih efektif. |

| | | | |
|---|--|--|---|
| <p>C. Faktor rangka kerja kawal selia/regulatory framework</p> | <p>Pandangan terhadap insentif pembayaran zakat korporat serta agihan dan penggunaan dana wakalah.</p> | <p>Kajian mendapati wakalah adalah merupakan mekanisma syarikat untuk memanfaatkan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR) / sustainability. Syarikat juga menjangkakan institusi zakat menekankan struktur laporan yang berkesan untuk syarikat melaporkan aktiviti yang telah dijalankan dari penggunaan dana wakalah oleh syarikat. Rebat cukai yang diberi oleh kerajaan juga mendorong syarikat membuat pembayaran zakat.</p> | <p>Kajian mendapati faktor luaran iaitu kaedah kawal selia <i>regulatory framework</i> termasuk insentif rebet cukai kepada pembayaran zakat korporat dan manfaat sebahagian jumlah zakat yang telah dibayar di dalam bentuk wakalah lebih signifikan untuk mendorong pembayaran zakat korporat.</p> <p>Oleh yang demikian, bagi mengalakkan pembayaran zakat korporat lebih meningkat kaedah pelaporan keberkesanan manfaat dana zakat yang telah diagihkan kepada asnaf.</p> <p>Pelaporan yang dipertingkatkan melebihi keperluan mandatori adalah penting bagi organisasi untuk menyampaikan bahawa organisasi mencipta nilai kepada para pelabur serta kepada pihak berkepentingan stakeholders yang lebih luas.</p> |
| <p>D. Faktor peranan institusi zakat</p> | <p>Peranan institusi zakat dalam menggalakkan pembayaran korporat merangkumi reputasi, kecekapan perkhidmatan dan pelaporan institusi.</p> | <p>Syarikat-syarikat institusi zakat dapat mempamerkan keberkesanan dari kecekapan institusi zakat menguruskan zakat untuk dimanfaatkan asnaf. Urus tadbir korporat yang baik merupakan elemen yang utama yang diambil berat oleh syarikat-syarikat. Institusi zakat juga dituntut untuk memberi kemudahan (facilitation) kepada syarikat dalam bentuk bantuan pengurusan zakat korporat dan mekanisma agihan zakat yang lebih efektif.</p> | <p>Ketelusan hasil (Transparency outcome) dari manfaat pembayaran zakat adalah merupakan mekanisma yang utama untuk meningkatkan kepercayaan (trust) stakeholders/syarikat korporat kepada institusi zakat dalam pengurusan dana zakat. Oleh yang demikian, dua komponen utama yang dicadangkan untuk mempertingkatkan keberkesanan zakat ialah mewujudkan pelaporan kesan keberkesanan manfaat zakat kepada asnaf dan memberi kemudahan (facilitation) kepada syarikat korporat dalam bentuk maklumat pelaporan manfaat pembayaran zakat, pembangunan polisi zakat syarikat mengikut jenis perniagaan dan kaedah pembayaran yang boleh dibuat melalui seminar berkala yang dianjurkan oleh institusi zakat yang boleh disertai oleh syarikat korporat.</p> |

Rumusan Hasil Kajian

Berikut merupakan model pembayaran zakat korporat yang telah dirumuskan.

Rajah 1: Model Pembayaran Zakat Korporat Ke Atas Syarikat.



Berdasarkan Rajah 1, melalui kajian yang telah dijalankan, faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat korporat ialah komitmen pengurusan korporat, kerangka kawal selia perundangan dan peranan institusi zakat. Manakala, model yang diterbitkan mewakili pembayaran zakat secara optimum. Ini kerana agihan dana zakat syarikat korporat yang tertumpu kepada pelaksanaan kemampanan (sustainability) aktiviti dengan sokongan daripada pihak

berkepentingan (stakeholders) dapat menghasilkan pelaporan yang berkesan seterusnya memberikan satu anjakan paradigma dalam pelaksanaan pembayaran dan pengagihan zakat. Pelaporan tersebut secara tidak langsung merupakan pelaporan yang mampan (sustainability reporting) serta dapat menaikkan imej dan prestasi syarikat.

Jadual 14:
Rumusan Dapatan Temubual Ke Atas Syarikat Korporat
Yang Telah Membayar Zakat Di Wilayah Persekutuan.

| TEMA TEMUBUAL | INSTITUSI PERBANKAN ISLAM | SYARIKAT BERHAD | SYARIKAT SDN BHD | RUMUSAN/ PERBINCANGAN |
|---|---|---|---|--|
| A. Latar belakang syarikat | | | | |
| Prinsip syarikat terhadap pembayaran zakat | Institusi yang mendokong pematuhan shariah termasuk pembayaran zakat korporat. | Menyokong pembayaran zakat korporat seiring dengan amalan syarikat-syarikat lain (legitimacy theory). | Menyokong pembayaran zakat korporat seiring dengan amalan syarikat-syarikat lain (legitimacy theory). | <ul style="list-style-type: none"> Pembayaran zakat didorong oleh insentif legitimacy. |
| Kaedah Pengiraan Zakat | Modal berkembang | Untung dan rugi | Modal berkembang atau untung dan rugi | <ul style="list-style-type: none"> Institusi Perbankan Islam – kaedah pengiraan lebih sistematik dengan adanya muzakarah sesama institusi. Syarikat lain – pilihan kaedah bergantung kepada pemilihan kaedah yang memudahkan dan juga kesan terhadap sumber kewangan keseluruhan syarikat. |
| B. Komitmen pengurusan korporat terhadap pembayaran zakat. | | | | |
| Pengurusan Pembayaran Zakat | Unit Corporate Social Responsibility, CSR | Unit Corporate Social Responsibility, CSR | Unit Corporate Social Responsibility, CSR | <ul style="list-style-type: none"> Pembayaran dan agihan zakat didorong oleh insentif untuk meningkatkan reputasi dan jenama syarikat. Didorong oleh komitmen pengurusan tertinggi. |
| Pembayaran Zakat kepada Institusi Zakat | Konsisten dan jumlah bayaran tahunan biasanya melebihi daripada jumlah yang dikira. | Jumlah bayaran tidak stabil kerana mengambil kira keseluruhan sumber kewangan syarikat. | Jumlah bayaran tidak stabil kerana mengambil kira keseluruhan sumber kewangan syarikat. | <ul style="list-style-type: none"> Shariah Committee/Board members memainkan peranan utama dalam pembayaran zakat korporat. Pembayaran zakat lebih optimal dengan kerjasama Jabatan kewangan syarikat. Didorong oleh komitmen pengurusan tertinggi. |
| Pengurusan Dana Wakalah | Diurus dan digunakan secara strategik untuk mengoptimalkan <i>sustainable initiatives</i> syarikat. | Diurus dan digunakan secara strategik untuk mengoptimalkan <i>sustainable initiatives</i> syarikat. | Diurus dan digunakan secara strategik untuk mengoptimalkan <i>sustainable initiatives</i> syarikat. | <ul style="list-style-type: none"> Didorong oleh keperluan untuk menjalankan dan melaporkan <i>sustainable initiatives</i>. Melaporkan <i>sustainable initiatives</i> di dalam Laporan Tahunan. |

| TEMA TEMUBUAL | INSTITUSI PERBANKAN ISLAM | SYARIKAT BERHAD | SYARIKAT SDN BHD | RUMUSAN/ PERBINCANGAN |
|--|---|---|---|--|
| Persepsi Peranan Institusi Zakat | Tahap keyakinan terhadap pusat zakat meningkatkan insentif pembayaran zakat korporat yang optima. | Tahap keyakinan terhadap pusat zakat meningkatkan insentif pembayaran zakat korporat yang optima. | Tahap keyakinan terhadap pusat zakat meningkatkan insentif pembayaran zakat korporat yang optima. | <ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif Institusi Zakat yang mendokong sustainable initiatives syarikat sebagai “stakeholder engagement” oleh Institusi zakat boleh dipertingkatkan. • Pelaporan inisiatif ini perlu seiring dengan keperluan pelaporan sustainability reporting. |
| Kelulusan (authorisation) bayaran zakat korporat | Jawatankuasa Syariah (Shariah Committee) dan Ahli Lembaga (Board members) | Ahli Lembaga (Board members) atau/dan Pegawai Syariah | Ahli Lembaga (Board members) (Tiada Pegawai Syariah) | <ul style="list-style-type: none"> • Shariah Committee/Board members memainkan peranan utama dalam pembayaran zakat korporat. Namun terdapat situasi dimana kekangan kuasa di dalam mempengaruhi kaedah pembayaran zakat oleh syarikat. |

C. Faktor rangka kerja kawal selia/regulatory framework terhadap insentif pembayaran zakat korporat.

| | | | | |
|----------------|--|---|---|---|
| Insentif Cukai | Insentif cukai diambilkira tetapi bukan merupakan faktor utama didalam pengiraan zakat korporat. | Bayaran zakat korporat mengambilkira insentif cukai selari dengan pelan pencukaian (tax planning) syarikat. | Bayaran zakat korporat mengambilkira insentif cukai selari dengan pelan pencukaian (tax planning) syarikat. | <ul style="list-style-type: none"> • Sokongan Regulatory Framework mendorong syarikat untuk merancang pelan percukaian (tax planning) yang lebih efektif dan pembayaran zakat korporat yang optimum. |
|----------------|--|---|---|---|

D. Faktor peranan institusi zakat dalam menggalakkan pembayaran zakat korporat

| | | | | |
|---|--|--|---|--|
| Hubungan ikatan (engagement) dengan syarikat-syarikat | 1) Pengiraan zakat 2) Inisiatif value creation menggunakan dana zakat | 1) Pengiraan zakat 2) Inisiatif value creation menggunakan dana zakat | 1) Pengiraan zakat. 2) Inisiatif value creation menggunakan dana zakat | <ul style="list-style-type: none"> • Menggalakan syarikat-syarikat untuk mendapat maklumat tentang (value propositions) yang terhasil dari zakat korporat yang telah diagihkan. • Ini akan meningkatkan akauntabiliti Institusi zakat dalam konteks pengurusan zakat yang efektif. |
|---|--|--|---|--|

| TEMA TEMUBUAL | INSTITUSI PERBANKAN ISLAM | SYARIKAT BERHAD | SYARIKAT SDN BHD | RUMUSAN/ PERBINCANGAN |
|--|--|--|--|---|
| Ketelusan (Transparency)/ Pelaporan agihan zakat melalui wakalah | Inisiatif <i>value creation</i> menggunakan dana zakat | Inisiatif <i>value creation</i> menggunakan dana zakat | Inisiatif <i>value creation</i> menggunakan dana zakat | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan hubungan kepercayaan “<i>trust relationship</i>” diantara institusi zakat dan syarikat-syarikat. Pelaporan yang lebih komprehensif dan mampu memberikan maklumat yang berguna untuk memudahkan pengguna maklumat untuk membuat keputusan terhadap keberkesanan penggunaan dana zakat. |

Cadangan Dan Rumusan

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, berikut merupakan cadangan yang dikemukakan dalam tiga pembahagian iaitu syarikat korporat yang membayar zakat, Penggubal undang-undang dan Penguasa (Regulators) dan Institusi Zakat:

1) Syarikat-Syarikat Pembayar Zakat

Secara amnya syarikat korporat mempunyai kesedaran terhadap pembayaran zakat korporat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran ini boleh dipertingkatkan melalui beberapa strategi yang dapat menyumbang kepada peningkatan pembayaran zakat korporat. Cadangan strategi adalah seperti berikut:

- i. Promosi inisiatif keberkesanan agihan zakat korporat oleh institusi zakat dan syarikat korporat melalui *stakeholder engagement*, laporan dalam talian dan lain-lain saluran komunikasi dapat meningkatkan kepercayaan antara pihak-pihak berkepentingan. Seterusnya, ini akan dapat meningkatkan permintaan pelbagai pihak awam terhadap keperluan pembayaran zakat korporat oleh syarikat korporat. Dari perspektif teori *legitimacy*, syarikat korporat akan didorong untuk membayar zakat korporat supaya dilihat sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan *accountable* kerana ianya adalah penting untuk mendapat sokongan dari pihak awam dan lain-lain pihak berkepentingan.
- ii. Sebahagian besar syarikat korporat didalam penyelidikan ini tidak mempunyai jawatankuasa syariah. Ini merupakan kekangan untuk membangunkan polisi pembayaran zakat korporat yang efektif di syarikat yang berkenaan. Kekangan ini dapat diisi oleh institusi zakat melalui forum atau bengkel berkala kepada syarikat korporat yang berkaitan.
- iii. Inisiatif wakalah oleh institusi zakat dilihat oleh syarikat korporat sebagai inisiatif yang dapat memperkasakan akauntabiliti syarikat terhadap pihak yang berkaitan. Secara keseluruhan, inisiatif wakalah diintegrasikan bersama *sustainability activities* syarikat seiring dengan permintaan ekosistem semasa. Promosi dan pelaporan yang lebih efektif terhadap inisiatif wakalah oleh institusi zakat dapat meningkatkan persepsi keberkesanan pengurusan zakat korporat yang mendokong pertumbuhan sosio-ekonomi negara oleh pihak awam dan pihak berkepentingan.

- iv. Pelepasan cukai merupakan salah satu tarikan kepada syarikat untuk membayar zakat dan merupakan salah satu promosi kepada pihak pengurusan tertinggi syarikat untuk terus membayar zakat terutama sekiranya pihak berkepentingan syarikat yang dimiliki oleh majoriti Muslim.

2) Penggubal Undang-Undang Dan Penguasa (Regulators)

Pelepasan cukai merupakan inisiatif terbaik yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kesenambungan inisiatif ini dapat dicapai jika dana zakat korporat dilihat oleh pelbagai pihak sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Institusi zakat bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran dan permintaan terhadap kepentingan sumber dana zakat korporat.

3) Institusi Zakat

Selain daripada cadangan diatas, cadangan tambahan dari perspektif institusi zakat adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan rangka kerja pelaporan maklumat inisiatif wakalah untuk meningkatkan keberkesanan pelaporan. Maklumat pelaporan ini dapat digunakan oleh pihak berkepentingan untuk membuat keputusan yang lebih efektif.
- ii. Kolaborasi strategik antara Institusi Zakat, universiti dan lain-lain organisasi dalam pembangunan polisi zakat korporat. Pembangunan polisi zakat korporat memerlukan gabungan ilmu syariah, perakaunan dan lain-lain. Strategi ini juga dapat meningkatkan penerimaan polisi yang dibangunkan dan juga kepercayaan pelbagai pihak terhadap peranan peneraju institusi zakat.
- iii. Peranan peneraju oleh institusi zakat seperti institusi zakat Wilayah dapat dijadikan sebagai penanda aras atau amalan terbaik untuk institusi zakat di setiap negeri. Ini dapat meningkat inisiatif bersama ke arah pembangunan pertumbuhan sosio-ekonomi negara melalui dana zakat korporat.

Secara kesimpulannya, cadangan yang diberikan adalah tertakluk kepada kajian yang dijalankan sahaja dan masih memerlukan pertimbangan daripada pihak Institusi Zakat mengenai keperluan pelaksanaannya. Walaubagaimanapun, kajian ini dapat mengenalpasti hala tuju strategik untuk mengoptimalkan sumbangan zakat korporat terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, tiga komponen penting yang boleh dikeluarkan daripada dapatan kajian adalah seperti berikut:

- i. Pembayaran zakat yang konsisten adalah berdasarkan jenis atau struktur syarikat yang terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Institusi Perbankan Islam dan bukan Perbankan Islam. Pembayaran zakat daripada Institusi Perbankan Islam adalah konsisten manakala pembayaran daripada bukan Institusi Perbankan Islam tidak konsisten bergantung keseluruhan sumber kewangan syarikat dan dorongan komitmen pengurusan tertinggi.
- ii. Kaedah pengiraan zakat yang pelbagai dapat dikesan daripada kajian ini merangkumi kaedah modal berkembang, modal kerja dan untung rugi. Oleh itu, antara saranan yang diutarakan ialah mewujudkan mekanisme aplikasi pengiraan zakat korporat dan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kaedah pengiraan zakat korporat.

- iii. Inisiatif wakalah yang diperkenalkan oleh Pusat Zakat disambut baik oleh syarikat dengan melaksanakan agihan wakalah bersama aktiviti CSR lain. Ini menunjukkan motivasi syarikat untuk mendorong inisiatif *sustainable* seiring dengan SDGs yang telah diperkenalkan oleh UNDP. Sokongan inisiatif SDGs ini dilihat penting bagi syarikat untuk mencapai *good corporate citizen*. Sasaran ini perlu untuk menjadi sebuah syarikat yang bertanggungjawab, berdaya saing serta menguntungkan dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kestabilan prestasi syarikat. Maka, wujud ruang untuk mendapatkan impak (outcome) bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan sosial ekonomi yang dijalankan oleh syarikat. Oleh itu, adalah penting bagi Institusi Zakat membangunkan satu rangka kerja yang dapat mendokong pelaksanaan aktiviti wakalah berasaskan impak (outcome).

Bagi melestarikan peranan zakat yang merupakan salah satu penyumbang ekonomi negara, semua pihak perlu berganding bahu dalam membangunkan dan merangka strategi yang lebih berkesan ke arah pemeraksanaan asnaf melalui pelaksanaan aktiviti berasaskan *sustainable initiatives* samada bagi pihak syarikat korporat yang menggunakan medium wakalah dalam pengagihan zakat serta pusat-pusat zakat yang terlibat dalam pengurusan zakat. Berikut merupakan Rajah maklumat bagi 17 matlamat yang diperkenalkan dalam Sustainable Development Goals (SDGs).

Rajah 2:
Matlamat Pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDGs) (UNDP, 2015)



Berdasarkan rajah di atas, 17 matlamat yang digariskan dilihat selari dan dapat memenuhi keperluan agihan 8 asnaf yang telah digariskan iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, fisabiillah dan ibnu sabil. Kategori asnaf ini sangat bertepatan dengan matlamat SDGs di atas seperti no poverty (SDG 1), zero hunger (SDG 2), reduced inequalities (SDG 10) dan lain-lain (Rehman & Pickup, 2018).

Kesimpulannya, integrasi antara elemen zakat dan saranan SDGs daripada UNDP merupakan ruang untuk anjakan pelan tindakan Institusi Zakat ke arah perkembangan yang positif. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa elemen ekonomi Islam khususnya zakat amat selari dengan strategi pemeraksanaan ekonomi negara umumnya. Secara tidak langsung, keadaan ini akan mendorong ekosistem zakat yang lebih seimbang dan mampan.

RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia (2017). Value-based Intermediation: Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance. www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=137&ac=612&bb=file
- Chik, M.Z & Tharin M., A.R (2018) Kaedah Pengiraan Zakat: Aplikasi di Institusi Perbankan Islam (Pengalaman Bank Islam Malaysia Berhad). 12th Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, 3rd-4th July 2018.
- Christensen, R. A., & Ebrahim, A. (2006). How does accountability affect mission? The case of a nonprofit serving immigrants and refugees. *Nonprofit Management and Leadership*, 17(2), 195-209. doi: <https://doi.org/10.1002/nml.143>
- Connolly, C., & Kelly, M. (2011). Understanding accountability in social enterprise organisations: a framework. *Social Enterprise Journal*, 7(3), 224-237. doi: <https://doi.org/10.1108/17508611111182386>
- Deegan, C., & Rankin, M. (1996). Do Australian companies report environmental news objectively? An analysis of environmental disclosures by firms prosecuted successfully by the Environmental Protection Authority. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 9(2), 50- 67. doi: <https://doi.org/10.1108/09513579610116358>
- §Deephouse, D. L. (1996). Does isomorphism legitimate?. *Academy of Management Journal*, 39(4), 1024-1039. doi: <https://doi.org/10.5465/256722>
- PPZ-MAIWP (2017) Ringkasan Laporan Zakat PPZ-MAIWP. www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan
- Rehman, A. A. & Pickup, F. (September, 2018) Zakat for the SDGs. UNDP. Retrieved from <http://www.undp.org/content/undp/en/home/blog/2018/zakat-for-the-sdgs.html>
- Shocker, A. D., & Sethi, S. P. (1973). An approach to incorporating societal preferences in developing corporate action strategies. *California Management Review*, 15(4), 97-105. doi: <https://doi.org/10.2307/41164466>
- Suchman, M. C. (1995). Managing legitimacy: Strategic and institutional approaches. *Academy of Management Review*, 20(3), 571-610. doi: <https://doi.org/10.5465/amr.1995.9508080331>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2017). Islamic Fund and Wealth Management Blueprint. 70 pages. https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/ifwm_blueprint_170112.pdf
- United Nations Development Programme, UNDP (2015). Sustainable Development Goals (SDGs).



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

قوسة قو غونن زكاة مجلس احكام اسلام ولاية فرستوان

ISBN 978-967-14685-9-3



9 789671 468593

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur.

TALIAN ZAKAT
1300 88 5757



www.zakat.com.my



MS ISO 9001 : 2015
CERT NO. : MY-AR 2514

MS ISO 9001 : 2015
CERT NO. : MY-AR 2514